

24/02/1999

Sumbangan sektor swasta amat dihargai

Wan Jailani Razak

TANPA sokongan sektor swasta, hasrat pelayar negara, Azhar Mansor untuk mencipta rekod belayar mengelilingi dunia tanpa henti secara solo mungkin tidak kesampaian.

Ini kerana sumbangan sektor swasta dalam membiayai segala kelengkapan termasuk menyediakan kapal layar, Jalur Gemilang banyak mempengaruhi persediaan Azhar untuk mencapai cita-citanya itu.

Kebanyakan peralatan termasuk penyediaan makanan untuk Azhar ditaja oleh syarikat swasta yang tentunya memiliki dana bagi membiayai keperluan sepanjang tempoh pelayaran itu.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengakui ketika negara menghadapi masalah ekonomi, sektor swasta banyak membantu. Ini termasuk melancarkan usaha anak kelahiran Perlis itu untuk menjadi rakyat Malaysia pertama berbuat demikian.

Ketika melepaskan pelayaran Azhar di Awana Porto Malai, 2 Februari lalu, Perdana Menteri tidak lupa mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak terbabit dalam menjayakan Cabaran Jalur Gemilang 1999 itu.

Pihak berkenaan termasuk Kumpulan Gapadu Sdn Bhd, Penas Corporation Bhd, Kumpulan Sapura, NatSeven TV Sdn Bhd, Awana Porto Malai Langkawi, Projek Lebuhraya Utara Selatan Bhd (Plus), Bina Puri Holdings Sdn Bhd, MMS Miller Sdn Bhd, Dorlon (New Zealand) Ltd, AWL-Kote (Singapura) Pte Ltd dan Bloomingdale Advertising Sdn Bhd (Bloomingdale).

Sokongan mereka bagaimanapun tidak harus terhenti di situ saja. Bloomingdale misalnya, sepatutnya menghantar seorang wakilnya di sini bagi membantu tugas komunikasi yang sehingga kini dipikul oleh Noel Belman dan isterinya, Sandy, pasangan sukarela dari Afrika Selatan.

Untuk makluman, Sandy telah kembali ke negaranya untuk menjenguk kedua-dua orang tuanya yang uzur. Jadi, eloklah rasanya jika ada pengganti beliau di sini untuk membantu melancarkan tugas mendapatkan khabar dari Azhar kerana ramai mahu tahu perkembangan terkini pelayarannya.

Biarpun di mana pelayar, Azhar Mansor kini berada, kita berharap rakyat Malaysia mendoakan kejayaannya sebagaimana mereka memberi sokongan terhadap usahanya untuk mengelilingi dunia secara solo tanpa henti.

(END)